



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

52/2025

SIARAN MEDIA

KUSKOP LANTIK 12 AHLI PARLIMEN KERAJAAN SEBAGAI *FRIENDS OF MINISTRY*

KUALA LUMPUR, 28 Julai – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melantik 12 Ahli Parlimen Kerajaan sebagai *Friends of Ministry* (FoM) bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam pembangunan ekosistem keusahawanan dan gerakan koperasi negara.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick menyampaikan watakah pelantikan kepada kesemua Ahli Parlimen itu dalam satu majlis *luncheon meeting* yang turut dihadiri barisan pengurusan tertinggi KUSKOP dan ketua-ketua agensi di bawah kementerian, di Bangunan Parlimen, di sini, hari ini.

Ewon berkata, pelantikan itu adalah langkah proaktif bagi memperluas jaringan sokongan kementerian di peringkat akar umbi, menerusi kerjasama erat dengan wakil-wakil rakyat kerajaan.

“Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Parlimen Kerajaan ini yang memilih KUSKOP sebagai rakan strategik mereka di bawah inisiatif FoM oleh Kelab Penyokong Kerajaan.

“Saya amat yakin dengan pelantikan FoM ini akan dapat memacu kerjasama strategik dalam usaha membangunkan usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan gerakan koperasi di seluruh negara” katanya.

Ewon berharap usahawan dan koperasi akan menerima lebih banyak sokongan, galakan dan akses kepada pelbagai inisiatif kerajaan hasil kerjasama strategik ini.

Katanya lagi, KUSKOP mengalu-alukan pandangan, cadangan serta teguran membina daripada FoM dalam mempertingkatkan pelaksanaan dasar serta program kementerian di lapangan.

“Kementerian juga terbuka untuk bekerjasama dalam apa jua program dan inisiatif yang dirancang oleh FoM, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan keusahawanan dan koperasi di kawasan Parlimen masing-masing.

“Saya percaya sinergi ini akan memberi impak besar dalam menjayakan agenda keusahawanan negara, selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13,” katanya.

Mengulas mengenai peranan kementerian, beliau menjelaskan bahawa KUSKOP bertanggungjawab dalam menetapkan hala tuju pembangunan keusahawanan negara, membudayakan nilai dan minda keusahawanan, memperkukuh ekosistem sokongan, meningkatkan akses kepada pembiayaan serta memudah cara kemasukan ke pasaran domestik dan antarabangsa.

“Kementerian turut memikul tanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar-dasar utama seperti Dasar Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Negara 2024, Dasar Francais Negara 2030 serta pengurusan akta-akta berkaitan termasuk Akta Francais dan Akta Koperasi,” katanya.

Tambahnya lagi, proses libat urus berhubung draf Akta Koperasi baharu bagi menggantikan akta sedia ada sedang giat dijalankan dan dijangka dibentangkan di Parlimen pada penghujung tahun ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Dato’ Sri R. Ramanan Ramakrishnan, Ketua Setiausaha KUSKOP Dato’ Sri Khairul Dzaimiee Daud, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha KUSKOP, Pengerusi BBC Datuk Indera Mohd Shahar Abdullah dan ketua-ketua agensi KUSKOP.

Senarai Ahli Parlimen, FoM KUSKOP:

1. Datuk Seri Panglima Gapari bin Katingan@Geoffrey Kitingan, Ahli Parlimen Keningau
2. YB Tuan Haji Azli bin Yusof, Ahli Parlimen Shah Alam
3. YB Dato’ Verdon bin Bahanda, Ahli Parlimen Kudat
4. YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar, Ahli Parlimen Batu Pahat
5. YB Tuan Khoo Poay Tiong, Ahli Parlimen Kota Melaka
6. YB Tuan Cha Kee Chiin, Ahli Parlimen Rasah
7. YB Tuan Hassan bin Abdul Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang
8. YB Tuan Tan Kar Hing, Ahli Parlimen Gopeng
9. YB Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib, Ahli Parlimen Tenggara
10. YB Tuan Edwin Anak Banta, Ahli Parlimen Selangau
11. YB Dr. Richard Rapu@Aman Anak Begri, Ahli Parlimen Betong
12. YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya, Ahli Parlimen Putatan

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
28 JULAI 2025